

Ucapan Aluan Naib Canselor
Y.Bhg. Profesor Dr. Asma Ismail
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena
**Majlis Makan Malam Meraikan Mantan Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Sempena Mesyuarat Sekretariat
Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan
Alumni) IPTA**

Nilai Springs Resort Hotel
8.00 malam
18 Disember 2012M / 4 Safar 1434H (Rabu)

Terima kasih pengerusi majlis

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Satu Malaysia.*

[Salutasi]

1. Pertama sekali, bagi pihak USIM, saya ingin mengalu-alukan kehadiran **Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dari seluruh IPTA**, kerana sudi hadir ke **Majlis Makan Malam Meraikan Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Sempena Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA**. Kehadiran Y.Bhg. Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dari seluruh IPTA amat dihargai. Sesungguhnya, bakti dan jasa yang telah diberikan oleh Y. Bhg. Mantan-Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) amatlah dihargai khususnya dalam usaha membangun dan memantapkan kemahiran insaniah pelajar. Kami berdoa kepada Allah s.w.t supaya merahmati dan memberkati hidup Y.Bhg. Mantan-

Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) atas usaha baik yang telah diberikan.

2. Saya juga ingin meraikan dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid, mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Utara Malaysia** merangkap mantan **Pengerusi Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA** ke majlis ini. Tidak lupa juga, saya meraikan dan mengalu-alukan kehadiran **Y.Bhg. Mantan-Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA** yang telah tamat perkhidmatan ke majlis ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Penganjur **Majlis Makan Malam Meraikan Mantan Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA**, iaitu **Universiti Putra Malaysia** dengan kerjasama Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA, kerana telah berjaya menjalankan majlis makan malam ini yang mengabungkan semua mantan-mantan dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dari seluruh IPTA.

4. Penganjuran majlis makan malam ini amat bermakna kerana telah berjaya meraikan **Mantan-Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** daripada 8 buah IPTA iaitu **UPNM, UKM, UMK, UnisZA, UIAM, UPSI, UUM dan USM** di atas usaha dan jasa yang telah disumbangkan kepada universiti masing-masing. Walau bagaimanapun, saya difahamkan hanya () orang mantan sahaja yang dapat hadir (iaitu UIAM & UUM). Yang lain memohon maaf tidak dapat hadir kerana ada urusan yang tidak dapat dielakkan. Justeru, kita harus mengakui bahawa usaha dan dedikasi mereka semua selama ini merupakan sumbangan yang tiada tolok bandingnya terutama dalam melahirkan graduan holistik yang lengkap dengan kemahiran insaniah di samping berjati diri tinggi.

Yang Berbahagia Dato', Profesor, Dr, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

5. HEP sebagai sebuah badan yang dipertanggungjawabkan oleh universiti diharapkan dapat melahirkan graduan yang memiliki kemahiran insan yang tinggi dan berkualiti. Sama samalah kita

mendoakan agar semua graduan kita sentiasa mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa dalam mendepani cabaran semasa dan menyumbang kepada perkembangan negara Malaysia khususnya dan di dunia amnya.

6. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Y.Bhg. Mantan-Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** yang telah bertungkus-lumus dan menabur bakti serta jasa kepada pembangunan sahsiah mahasiswa di dalam kampus. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada **Y.Bhg. Mantan-Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**, semoga Allah s.w.t membalas jasa baik anda semua.

7. Begitu juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan selamat maju jaya kepada **Y.Bhg. Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA** semasa, yang akan bersidang pagi esok untuk membincangkan perkara-perkara yang melibatkan pembangunan sahsiah pelajar di dalam universiti kita semua. Semoga usaha ini mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah SWT dan juga semoga amal baik ini dapat menghapuskan dosa-dosa kita yang terdahulu. Amin, Ya Rabbal 'Aalamin.

8. Sekian, wa BillaHit Tawfiq wal Hidayah

9. Was Salamu'alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.

10. Terima kasih.